

B675

MAHATHIR-JAMUAN

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10 MALAM)

1982

KOTA BAHARU, 22 FEB. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KESEDERHANAAN YANG DITUNJUKKAN OLEH KERAJAAN DALAM MENTADBIRKAN NEGARA INI TELAH MENJADIKANNYA BENAR-BENAR SEBUAH KERAJAAN ISLAM KERANA IA MEMBAWA KEBAHAGIAN DAN KEAMANAN KEPADA UMATNYA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN INI ADALAH SELARAS DENGAN KEHENDAK ISLAM SUPAYA KEDUA-DUA FAKTOR — KESEJAHTERAAN DAN KEAMANAN+ DIBERI PENEKANAN DAN MEMBERI JAMINAN KERAJAAN AKAN TERUS DAN SENTIASA BERPEGANG KEPADA AJARAN ISLAM DALAM PENTADBIRANNYA. 99

BELIAU, BAGAIMANAPUN, DUKACITA KERANA ADA PIHAK YANG MENTAF-SIRKAN ISLAM SEMATA-MATA SEBAGAI PERBUATAN +POTONG TANGAN DAN KEPALA+ DAN BAGI MEREKA INI ISLAM TIDAK WUJUD SELAGI PERKARA-PERKARA ITU TIDAK DILAKSANAKAN.

+KITA TAHU ISLAM ADALAH LEBIH DARIPADA ITU. ISLAM SEBENARNYA MENEKANKAN KESEJAHTERAAN DAN KEBAHAGIAN UMAT,+ TEGASNYA.

BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN NEGERI DI ISTANA BALAI BESAR DI SINI BELIAU MENYERU UMAT ISLAM DI NEGERI INI SUPAYA JANGAN MENYALAH-GUNAKAN DAN MENYALAH TAFSIRKAN AGAMA ISLAM SEMATA-MATA KERANA PERBUATAN INI DILAKUKAN OLEH ORANG LAIN. — BERSAMBUNG 2135/SZ

B676

MAHATHIR-JAMUAN 2 KOTA BAHARU

DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL KERANA PENARUH POLITIK YANG TIDAK MENGHIRAUKAN AJARAN ISLAM TELAH BERKEMBANG SEMULA DI NEGERI INI DAN PERPECAHAN SUDAH DILIHAT DI KALANGAN ORANG-ORANG ISLAM SEHINGGA LEBIH BANYAK TENAGA DITUMPU KEPADA POLITIK PARTI DARIPADA PEMBA-NGUNAN UMAT ISLAM.

PERDANA MENTERI YAKIN KERAJAAN NEGERI DAN PARA PENDUKUNGNYA TIDAK AKAN DIPENGARUHI OLEH EMOSI DALAM MENGHADAPI MASALAH TERSEBUT.

MENGENAI PEMBANGUNAN, BELIAU BERKATA NEGERI INI SUDAH MENCAPAI KEMAJUAN YANG BAIK DAN SEGALA KEMUDAHAN YANG PENTING TELAH DIADAKAN.

SELAIN DARI ITU SEBUAH PELABUHAN AKAN DIBINA. LAPANGAN TERBANG AKAN DIPERBESARKAN DAN LEBUHRAYA TIMUR-BARAT AKAN DIBUKA TIDAK LAMA LAGI BAGI MEMUDAHKAN PERJALANAN DAN PENGANGKUTAN KE NEGERI INI. 100

BELIAU KESAL KERANA ADA PIHAK YANG MENUDUH PROJEK-PROJEK TERSEBUT AKAN MEMUDAHKAN ORANG LUAR DATANG KE NEGERI INI DAN MENGANCAM PENDUDUKNYA. — BERSAMBUNG 2138/SZ

B677

MAHATHIR-JAMUAN 3 KOTA BAHARU

BELIAU BERKATA TUDUHAN ITU TIDAK BERASAS SAMA SEKALI KERANA LEBUHRAYA TERSEBUT AKAN MEMBAWA PEMBANGUNAN YANG LEBIH PESAT SERTA MENAWARKAN LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN UNTUK ANAK-ANAK KELANTAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMUJI KERAJAAN NEGERI KERANA KESUNGGUHANNYA MEMBANGUNKAN NEGERI DENGAN CEKAP DAN DEDIKASI. — BERNAMA 2140/SZ